

SOALAN NO: 407

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

SOALAN:

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi membantu pekerja-pekerja MAS yang telah diberhentikan tahun lalu.**

PR-1341-T73421

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada 31 Ogos 2015 secara rasminya *Malaysia Airlines System Berhad (MAS)* telah menamatkan operasinya dan memberhentikan seramai 18,574 orang pekerja. *Malaysia Airlines Berhad (MAB)* yang menggantikan MAS telah memulakan operasinya berkuatkuasa pada 1 September 2015 dan menawarkan pekerjaan kepada 12,973 orang bekas pekerja MAS. Seramai 12,730 orang telah menerima tawaran

tersebut, manakala seramai 243 pekerja lagi menolak tawaran bekerja.

2. Khazanah Nasional Berhad telah menubuhkan *Corporate Development Centre* (CDC) pada 1 Jun 2015 sebagai salah satu dari 12 langkah di bawah Pelan Pemulihan MAS. Tujuan penubuhan CDC adalah untuk membantu 5,591 kakitangan MAS yang tidak ditawarkan pekerjaan dengan MAB mendapat latihan semula untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan baharu. Langkah ini diambil bagi mengurangkan kesan-kesan negatif yang terpaksa dihadapi oleh pekerja MAS yang dihentikan kerja. Fungsi dan tanggungjawab CDC ini telah diperluaskan untuk :
 - a) Membantu pekerja MAS yang tidak ditawarkan ke MAB mendapat pekerjaan baharu
 - b) Membantu melatih semula (*reskilling*) dan *upskilling* dalam pelbagai bidang bagi memudahkan mereka mencari pekerjaan baharu
 - c) Menyediakan latihan dan platform kepada bekas pekerja yang berminat untuk menceburi bidang keusahawan; dan
 - d) Menyediakan latihan pengurusan kewangan sebagai persediaan untuk persaraan.

3. Seramai 3,022 orang bekas pekerja MAS memilih untuk berdaftar dengan CDC. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,145 orang pekerja telah mengikuti program-program yang dijalankan di bawah CDC seperti *upskilling*, *reskilling* dan program-program keusahawanan. Daripada 1,145 orang yang mengikuti program ini, 459 orang telah mendapat pekerjaan di tempat baharu, 637 orang telah menjalankan perniagaan sendiri dan 49 orang lagi telah memilih untuk bersara.

4. Pihak Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dalam beberapa siri mesyuarat dengan pihak MAS telah mencapai persetujuan untuk bekerjasama dengan CDC bagi membantu bekas pekerja MAS yang ingin mencari pekerjaan baharu. Persetujuan telah dicapai untuk pihak Jabatan menggunakan kemudahan ruang pejabat dan komputer di CDC bagi memudahkan pendaftaran pencari kerja secara dalam talian (*online*) dalam Portal JobsMalaysia yang dikendalikan oleh Jabatan ini.